

**UNTUK SIARAN SEGERA**

**SIARAN AKHBAR**

**HERO RAMADAN: PHARMANIAGA AGIH JUADAH BERBUKA PUASA KEPADA  
KAKITANGAN JABATAN KECEMASAN DAN TRAUMA DI HOSPITAL SEKITAR  
LEMBAH KLANG**

KUALA LUMPUR, 16 Jun 2017 – Kesibukan menggalas tugas seharian di pejabat tidak menghalang kakitangan Pharmaniaga untuk bersama-sama meraikan petugas-petugas hospital terutamanya di Jabatan Kecemasan dan Trauma di beberapa hospital sekitar Lembah Klang dengan mengagihkan juadah berbuka puasa menerusi program yang dikenali sebagai *Hero Ramadan*.

Program *Hero Ramadan* anjuran Pharmaniaga ini dijalankan selama tiga hari bermula dari 14 Jun sehingga 16 Jun 2017 di Hospital Kuala Lumpur; Hospital Sg. Buloh; Hospital Putrajaya; Hospital Serdang; Hospital Shah Alam; dan Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang.

Program ini merupakan inisiatif yang julung kali diadakan bertujuan untuk mengimarahkan lagi suasana bulan Ramadan yang penuh barakah di antara kakitangan Pharmaniaga dan pihak hospital khususnya yang bertugas di jabatan tersebut.

Jabatan Kecemasan dan Trauma merupakan salah satu jabatan yang sibuk di setiap hospital di mana jabatan ini beroperasi 24 jam dan diterajui oleh petugas-petugas yang mahir dan profesional dalam bidang perubatan am dan khas.

Seramai enam orang wakil dari Pharmaniaga turut serta mengagihkan lebih 100 pek bungkusan juadah berbuka puasa kepada petugas-petugas jabatan tersebut yang terdiri dari para doktor, jururawat serta pegawai-pegawai perubatan.

“Kami di Pharmaniaga sememangnya memahami situasi di Jabatan Kecemasan dan Trauma, bagaimana mereka terkejar-kejar dalam menjalani tugas yang diamanahkan. Cabaran yang mereka hadapi bukan mudah, kerana setiap kes yang mereka terima amat berbeza dan memerlukan penumpuan yang sepenuhnya,” kata Dato’ Farshila Emran, Pengarah Urusan Pharmaniaga.

**UNTUK SIARAN SEGERA**

**SIARAN AKHBAR**

“Bersempena dengan sambutan Ramadan yang mulia ini, kami di Pharmaniaga amat berbesar hati untuk memudahkan urusan petugas-petugas di jabatan ini dengan mengagihkan juadah berbuka puasa kepada mereka. Bukan itu sahaja, malah kami juga turut berbuka puasa bersama-sama bagi merasai sendiri pengalaman berkerja di jabatan yang sibuk pada bulan Ramadan,” tambah Dato’ Farshila lagi.

-Tamat-

**MENGENAI PHARMANIAGA BERHAD**

Pharmaniaga Berhad, ahli kumpulan Boustead merupakan sebuah syarikat pelaburan yang tersenarai di Papan Utama Bursa Malaysia. Teras perniagaan Kumpulan Pharmaniaga adalah pembuatan farmaseutikal generik; penyelidikan dan pembangunan; pemasaran dan jualan; pergudangan dan pengedaran produk farmaseutikal dan perubatan; pembekal dan pemasangan alatan perubatan ke hospital serta farmasi komuniti.

Dengan visi untuk menjadi syarikat farmaseutikal Malaysia yang terunggul, Pharmaniaga berpegang teguh dengan falsafah “Perniagaan dengan Integriti” yang diterajui oleh misi syarikat, **“Passion for Patients”**.

Kumpulan Pharmaniaga sedang beroperasi di 38 tempat meliputi tiga buah negara ASEAN (Malaysia, Indonesia & Vietnam) dan mengukuhkan kedudukan syarikat sebagai peneraju serantau di dalam arena farmaseutikal antarabangsa.

---

*Dikeluarkan untuk Kumpulan Pharmaniaga oleh Jabatan Komunikasi Korporat, Pharmaniaga Berhad. Untuk sebarang pertanyaan, hubungi Dato’ Zuhri Iskandar Kamarzaman di talian 03 3342 9999 sambungan 434 atau melalui emel [zuhri@pharmaniaga.com](mailto:zuhri@pharmaniaga.com)*